

PART 3

2025 SPM SEJARAH

Prediction

**SPM belum suntuk lagi
Kami boleh bantu**



by SPM Intelligent Team
@studytips.com.my

PART 3

RAMALAN 2025 SPM SEJARAH

SPM KERTAS 2			RAMALAN
2021	2022	2023	2025
TINGKATAN 4 BAB 8: PILIHANRAYA			
			Pilihanraya - Kepentingan / proses / tujuan - Syarat menjadi calon - MPP 1955 / sebab/ keanggotaan / kesan penubuhan Kabinet Pertama - Wakil / peranan
TINGKATAN 4 BAB 9: PERLEMBAGAAN PTM 1957			
	Rundingan Kemerdekaan - Perkara dipersetujui		Suruhanjaya Reid - Peranan / tugas Perlembagaan PTM - Kepentingan / intipati / langkah
TINGKATAN 4 BAB 10: PEMASYHURAN KEMERDEKAAN			
	Merdeka - Maksud	- Kronologi - Kebaikan kemerdekaan - Rakyat teras kemajuan (keselamatan / keamanan) kemakmuran	- Jawatankuasa fizikal - Peranan / persediaan - Kemerdekaan - Pemasyhuran / kepentingan / sambutan

RAHSIA SEJARAH SPM

Biasanya, tajuk tahun-tahun lepas, jarang atau tidak akan berulang! Jadi, kita hanya perlu titik beratkan tajuk-tajuk yang belum keluar sahaja.

Amaran: Walau bagaimanapun tajuk yang telah keluar di dalam kertas 2 boleh berulang di dalam Kertas 1 (Objektif).

Kesimpulan

- Baca baki tajuk yang belum keluar
- Baca tajuk tahun-tahun lepas yang telah keluar untuk Kertas 1 (Objektif)

Percaya

Percayalah ramalan soalan dengan jawapan yang diberikan pasti dapat membantu anda!

PART 3

Ramalan 2025 SPM SEJARAH

Contoh Soalan dan Jawapan

TINGKATAN 4 BAB 8: PILIHANRAYA

1. Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan yang pertama telah diadakan pada tahun 1955 iaitu sebelum merdeka.

(a) Mengapakah pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 diadakan? [2 markah]

Majlis Perundangan Persekutuan 1955 diadakan kerana memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP). Selain itu, pilihan raya tersebut diadakan sebagai merintis jalan ke arah kemerdekaan.

(b) Jelaskan proses pilihan raya tersebut diadakan? [4 markah]

Proses pilihan raya diadakan bermula dengan penubuhan sebuah Suruhanjaya Persempadanan kawasan. Selepas itu, Rang Undang- Undang diluluskan bagi menjalankan proses pilihan raya. Kemudian, pendaftaran pengundi dan penamaan calon diadakan. Setelah itu, kempen pilihan raya dijalankan selama 45 hari . Kemudian, hari mengundi ditetapkan. Proses seterusnya, peti undi akan dikira di pusat mengundi dan pengumuman keputusan berlangsung.

(c) Teliti jadual berikut

Keputusan Pilihan Raya MPP 1955				
Nama Parti	Bil.calon	Kerusi dimenangi	Undi diperoleh	% undi
Perikatan	52	51	888 013	79.3
Parti Negara	30	0	78909	7.6
PAS	11	1	40667	3.9

Mengapakah calon Parti Perikatan menjadi pilihan rakyat? [4 markah]

Calon Parti Perikatan menjadi pilihan rakyat kerana Parti Perikatan mewujudkan kerjasama pemimpin pelbagai kaum. Selain itu, Parti Perikatan menggambarkan perpaduan kaum. Seterusnya, Parti Perikatan menekankan permuafakatan kaum bagi mewujudkan keharmonian. Seterusnya, Parti Perikatan bertanding di kesemua kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan Parti Perikatan akan menjadikan parti itu kuat dan politik negara akan stabil. Selanjutnya, kemenangan parti tersebut kerana rakyat pelbagai kaum sedar akan kepentingan perkongsian kuasa.

2. Kabinet yang pertama Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk selepas pilihanraya.

(a) Senaraikan dua tokoh yang dilantik menganggotai kabinet tersebut? [2 markah]

- Tunku Abdul Rahman-Ketua Menteri
- Dato' Abdul Razak Husein-Menteri Pelajaran
- Dr.Ismail Abdul Rahman – Menteri Tanah Galian
- H.S Lee – Menteri Pengangkutan
- V.T Sambanthan- Menteri Buruh

(b) Apakah peranan kabinet tersebut? [4 markah]

Peranan kabinet tersebut ialah kabinet tersebut membincangkan soal kewangan dan mengurangkan kuasa pentadbiran British. Selain itu, kabinet tersebut menyambung sistem

yang diguna pakai dalam MPP yang berasaskan Model Westminster. Seterusnya, kabinet tersebut meminita kuasa veto Persurujaya Tinggi dibatalkan.

(c) Teliti petikan akhbar berikut.

Penyatuan bangsa dalam pembentukan Kabinet 1955

Sumber: Kosmo, 12 Mei 2018

Ulasakan pernyataan tersebut.

[4 markah]

Kabinet Pertama yang terdiri daripada pelbagai bangsa menggambarkan perpaduan kaum di Tanah Melayu. Selain itu, pembentukan kabinet tersebut menunjukkan berlakunya perkongsian kuasa antara kaum bagi mengukuhkan sistem pentadbiran negara. Seterusnya, pembentukan kabinet tersebut menunjukkan kewibawaan anak tempatan menerajui pentadbiran dengan cekap dan berkesan. Selanjutnya, pembentukan kabinet ini dapat merancang pembangunan negara untuk memberi keselesaan kepada rakyat pelbagai kaum di negara kita.

3. Di negara kita, pilihan raya bermula dengan pilihan raya majlis perbandaran, pilihan raya negeri dan pilihan raya umum yang diadakan pada tahun 1955.

(a) Jelaskan maksud pilihan raya?

[2 markah]

F1 Rakyat memilih wakil/parti yang akan membentuk kerajaan

F2 Pengamalan sistem demokrasi di sesebuah negara

F3 Asas berkerajaan sendiri

F4 Merintis jalan ke arah kemerdekaan

(b) Apakah syarat dalam pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 dalam aspek berikut :

(i) Pengundi

[2 markah]

(ii) Calon

[2 markah]

(b) (i) Pengundi

F1 Warganegara Persekutuan Tanah Melayu

F2 Berumur 21 tahun ke atas

F3 Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh 6 bulan

(ii) Calon

F1 Warganegara Persekutuan Tanah Melayu

F2 Berumur 21 tahun ke atas

F3 Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh 12 bulan

F4 Berpengetahuan dalam bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

(c) Rajah menunjukkan kerjasama politik di negara kita.

Tahun Pembentukan	Kerjasama Politik
1954	Parti Perikatan
1974	Parti Perikatan menukar nama kepada Barisan Nasional
1999	Barisan Alternatif
2008	Pakatan Rakyat
2023	Kerajaan Perpaduan

Mengapakah kerjasama politik menjadi amalan demokrasi di negara kita sehingga kini?

[4 markah]

- Sikap tolak ansur dalam masyarakat berbilang kaum
- Permuafakatan melalui sikap toleransi
- Penerimaan masyarakat terhadap kerjasama kaum

- Kerjasama kaum dalam mewujudkan keharmonian
- Perkongsian kuasa dalam pemerintahan negara
- Pengorbanan bagi memastikan setiap kaum diwakili dalam pemerintahan negara
- Mewujudkan kestabilan politik
- Kesejahteraan rakyat terjaga
- Negara aman
- Pembentukan kerajaan pemerintah

TINGKATAN 4 BAB 9: PERLEMBAGAAN PTM 1957

1. Perjanjian PTM 1957 ditandatangani pada 5 Ogos 1957 dalam usaha membentuk Perlembagaan PTM.

(a) Mengapakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 dikatakan penting dalam pembentukan negara dan bangsa Malaysia yang merdeka. [6 markah]

Perjanjian PTM 1957 dikatakan penting dalam pembentukan negara dan bangsa Malaysia yang merdeka kerana perjanjian PTM 1957 dapat membentuk sebuah kerajaan demokrasi dan mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Selanjutnya, perjanjian PTM 1957 dapat mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat apabila semua hak rakyat dilindungi. Seterusnya, perjanjian PTM 1957 mewujudkan muafakat nasional dan menggalakkan kemanan dan keharmonian. Akhir sekali, perjanjian PTM 1957 telah membebaskan negara tanpa pertumpahan darah.

(b) Bagaimanakah proses penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dibentuk? [6 markah]

Proses penggubalan Perlembagaan PTM dibentuk bermula dengan sebuah suruhanjaya bebas ditubuhkan yang diketuai oleh Lord Reid dan ahlinya terdiri daripada pakar undang-undang negara Komanwel yang mengkaji sebuah perlembagaan asas negara merdeka. Antara tugas suruhanjaya tersebut ialah melindungi kedudukan Raja-Raja Melayu dan memelihara hak keistimewaan orang Melayu serta menjaga kepentingan dan hak kaum lain. Selanjutnya, suruhanjaya tersebut menerima 131 memorandum yang dihantar daripada Raja-Raja Melayu, parti politik dan badan bukan kerajaan. Setelah itu, suruhanjaya tersebut telah mengkaji dan menerima memorandum tersebut. Malahan, pelbagai parti politik memberikan pelbagai reaksi terhadap memorandum tersebut seperti isu kewarganegaraan. Oleh itu, Tunku Abdul Rahman ke London untuk membincangkan perkara tersebut dan dibuat pindaan terhadap draf tersebut.

(c) Bagaimanakah cara yang dapat anda lakukan bagi merealisasikan intipati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957? [8 markah]

Cara yang dapat saya lakukan bagi merealisasikan intipati Perjanjian PTM 1957 ialah saya menghayati setiap Prinsip Rukun Negara. Selain itu, saya sentiasa patuh kepada undang-undang negara. Seterusnya, saya menjunjung perlembagaan negara kerana ia merupakan undang-undang yang tertinggi demi keamanan negara. Selanjutnya, saya taat dan setia kepada raja dan negara demi kedaulatan negara. Malah, saya akan menghargai kemerdekaan yang ada demi perpaduan rakyat pelbagai kaum. Di samping itu, saya bersikap tolak ansur dan hormat-menghormati kaum lain agar kemakmuran negara berkekalan.

TINGKATAN 4 BAB 10: PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

1. Jawatankuasa Persediaan Fizikal dan Sambutan telah ditubuhkan untuk membuat persediaan sambutan pemasyhuran kemerdekaan negara supaya peristiwa ini bermakna kepada negara dan rakyat .

a) Nyatakan persediaan Jawatankuasa Sambutan untuk memeriahkan Hari Kemerdekaan.

[2 markah]

- F1 Bangunan di bandar dihiasi lampu
- F2 Menempah 75000 bendera Persekutuan
- F3 Pakaian khas untuk Menteri dan pegawai tinggi
- F4 Kursus protocol
- F5 Pemberian gaji seminggu awal

b) Berikut adalah persediaan fizikal yang dilakukan untuk menonjolkan identiti negara menjelang pemasyhuran kemerdekaan negara 1957.

- Lagu Kebangsaan
- Bendera Kebangsaan

Huraikan latar belakang pembentukan identiti negara di atas.

[4 markah]

Lagu kebangsaan

- F1 Cadangan daripada Tunku Abdul Rahman.
- F2 Diciptakan lagu rasmi kebangsaan.
- F3 Untuk diperdengarkan semasa upacara Perisytiharan Kemerdekaan.
- F4 Jawatankuasa Pemilihan dibentuk.
- F5 Lagu Negaraku dicipta sebagai lagu kebangsaan
- F6 Berasal daripada lagu Terang Bulan/lagu negeri Perak.
- F7 Lirikny ditulis oleh Encik Saiful Bahari

Bendera kebangsaan

- F8 Lirikny ditulis oleh Encik Saiful Bahari
- F9 Reka bentuknya dicipta oleh Encik Mohamed Hamzah.
- F10 Dikibarkan secara rasmi pada 26 Mei 1950.
- F11 Di Istana Sultan Selangor.

c) Perasaan bangga terhadap keunikan kemerdekaan yang telah dicapai perlu ada dalam kalangan rakyat Malaysia. Berikan penjelasan berdasarkan pengetahuan sejarah anda.

[4 markah]

- F1 Mengeratkan perpaduan
- H1 saling menghormati antara satu sama lain
- H2 bertolak ansur
- H3 menjamin kesetiaan rakyat
- H4 mengelak perbalahan
- C1 Contoh menghayati Rukun Negara
- F2 Pemimpin yang bijaksana
- H1 bekerjasama untuk mencapai kesepakatan
- H2 mengetepikan kepentingan peribadi
- H3 mengutamakan rundingan untuk menyelesaikan masalah
- C2 Pilihanraya yang melibatkan pelbagai parti berbilang kaum

2. Maklumat berikut erti kemerdekaan

.... merdeka bukan sekadar bebas dari cengkaman kuasa dan minda penjajah. Merdeka juga bermaksud menghayati semangat jiwa merdeka dengan menyayangi negara sepenuh hati dan sanggup berkorban untuk negara dengan apa - apa cara sekalipun.

Sumber: Teks ucapan Hari Merdeka 2018 dalam www.pmo.gov.my

(a) Bincangkan kesan kemerdekaan kepada negara kita. [6 markah]

- F1 Pengamalan sistem raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen
- H1a Yang DiPertuan Agong menjadi ketua Negara
- F2 Sistem Demokrasi berparlimen diamalkan
- H2a Rakyat berkuasa memilih pemerintah/memiliki hak bersuara
- H2b Rakyat mempunyai kuasa memilih kerajaan dan pemerintah melalui pilihan raya
- H2c Pilihan raya memberi rakyat hak bersuara dan memilih wakil untuk menentukan hala tuju masa depan dan kesejahteraan negara
- H2d Parlimen berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat Persekutuan
- H2e Peringkat negeri, Dewan Undangan Negeri berkuasa menggubal undang²
- F3 Negara ditadbir oleh rakyat tempatan
- H3a Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Perdana Menteri
- H3b Negara memainkan peranan penting dalam organisasi antarabangsa seperti PBB
- H3c Negara mendapat pengiktirafan antarabangsa
- F4 Ekonomi Negara berkembang pesat
- H4a Penubuhan FELDA
- H4b Rancangan Malaya Pertama
- H4c penubuhan institusi kewangan
- H4d Bank Negara/ Malay National Bank/ Kwong Yik Bank
- H4e Pembangunan Luar Bandar
- H4f Rancangan Buku Merah
- F5 Pembangunan sosial ditingkatkan
- H5a Pendidikan / Penyata Rahman Talib diwujudkan
- H5b Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka
- H5c Penubuhan Jabatan Penerangan
- H5d Kemudahan awam / bekalan air /bekalan elektrik disediakan
- H5e Hospital/pusat kesihatan dibina di luar bandar

(b) Lambang kebangsaan yang merupakan salah satu aspek kedaulatan negara kita. Jelaskan. [6 markah]

- F1 Jata Negara/Lagu Kebangsaan/ Bendera menjadi identiti negara
- F2 menjadi jati diri rakyat
- F3 menjadi simbol perpaduan
- F4 mempunyai pengertian berdasarkan sosio-budaya dan sejarah negara
- F5 mempunyai nilai kedaulatan yang tersendiri
- F6 menjadi lambang jati diri negara
- F7 Rakyat perlu menghormati simbol rasmi negara

(c) Peristiwa kemerdekaan negara perlu dihayati oleh generasi masa kini supaya kedaulatan negara terus terpelihara dan dinikmati generasi akan datang. Beri ulasan anda. [8 markah]

F1 Mengeratkan perpaduan
 H1 saling menghormati antara satu sama lain
 H2 bertolak ansur
 H3 menjamin kesetiaan rakyat
 H4 mengelak perbalahan
 C1 menghayati Rukun Negara
 F2 Memastikan kestabilan negara
 H1 memimpin secara adil
 H2 memajukan ekonomi negara
 H3 mengutamakan hak rakyat
 H4 menjamin keadilan
 C1 rakyat mematuhi undang-undang negara
 F3 Menjaga keselamatan negara
 F4 Mewujudkan sistem pentadbiran yang teratur

3. Kemerdekaan Tanah Melayu menyimpan jutaan memori di sebalik peristiwa bersejarah ini. Kejayaan, kebanggaan dan kemegahan yang dilakar menjadi kenangan terindah dalam paparan sejarah tanah air.

Sumber : <https://www.sinarharian.com.my/article/44155/malaysia-merdeka>

- (a) Jelaskan persiapan yang dilakukan untuk menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.
 [6 markah]

F1 Membentuk Jawatankuasa Persediaan Fizikal
 F2 Menonjolkan identiti negara
 F3 Menyediakan prasarana fizikal
 F4 Pembinaan stadium untuk meraikan kemerdekaan / Stadium Merdeka
 F5 Pembinaan istana untuk YDPA bersemayam
 F6 Penciptaan lagu rasmi kebangsaan / lagu Negaraku
 F7 Jawatankuasa Pemilihan Lagu Kebangsaan dibentuk
 F8 Tunku Abdul Rahman sebagai pengerusi /dibantu oleh Yaacob Abdul Latiff (Pengarah Jabatan Penerangan)
 F9 Berasal daripada lagu Terang Bulan/lagu negeri Perak
 F10 Saiful Bahari sebagai penulis lirik.
 F11 Bendera PTM dijadikan bendera kebangsaan
 F12 Reka bentuk bendera dicipta oleh Mohamed Hamzah
 F13 Mula dikibarkan dengan rasminya pada 26 Mei 1950 di Istana Sultan Selangor.
 F14 Penggunaan Jata Negara
 F15 Diperkenankan oleh Raja-raja Melayu pada 30 Mei 1957
 F16 Bunga Raya sebagai bunga kebangsaan
 F17 Kementerian Pertanian meninjau pendapat rakyat
 F18 Dipilih oleh Tunku Abdul Rahman
 F19 Membentuk Jawatankuasa Sambutan
 F20 Bangunan di sekitar bandar / jalan raya / Padang Kelab Selangor dihias lampu
 F21 75 ribu bendera Persekutuan Tanah Melayu ditempah khas dari Jepun
 F22 Menteri / pegawai tinggi kerajaan disediakan pakaian khas ilham Tunku Abdul Rahman
 F23 Baju muskat
 F24 Penganjuran kursus khas protokol
 F25 Seramai 300 pegawai kerajaan mengikuti kursus selama tiga hari
 F26 Bertindak sebagai pegawai penerangan/pengiring/pegawai jemputan luar
 F27 Kakitangan kerajaan diberikan gaji seminggu awal
 F28 Tiket keretapi/bas dibeli awal
 F29 Menubuhkan Jawatankuasa Pusat Perayaan Merdeka
 F30 Dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman
 F31 Menubuhkan Jawatankuasa Kerja Pusat Merdeka
 F32 Diketuai oleh Dato' Abdul Razak Hussein

F33 Menubuhkan Jawatankuasa Perayaan Ibu Kota Persekutuan
F34 Dipengerusikan oleh H.S. Lee
F35 Menubuhkan Jawatankuasa Derma Perayaan Kemerdekaan
F36 Mengutip derma
F37 Membantu perbelanjaan sambutan Merdeka

(b) Pemasyhuran kemerdekaan negara bermula pada malam 30 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor Terangkan peristiwa bersejarah tersebut. [6 markah]

F1 Jalan sekitar bandar Kuala Lumpur dipenuhi kenderaan/kereta/bas/ beca/ basikal
F2 Pejalan kaki menuju ke Padang Kelab Selangor
F3 Diterangi lampu hiasan
F4 Kedai dibuka sehingga larut malam.
F5 Jam 10.00 malam, Wakil Parti Perikatan berpakaian Baju Melayu mengambil tempat duduk
F6 Diketuai oleh Sardon Jubir
F7 Jam 10.30 malam, Seramai 300 orang pemuda membentuk perbarisan hormat
F8 Diketuai oleh Ismail Bontak.
F9 11.58 malam, semua lampu dipadamkan/ menjadi gelap gelita.
F10 12.00 tengah malam, jam besar berbunyi
F11 lampu dipasang semula
F12 Laungan 'Merdeka' oleh orang ramai
F13 Tuanku Abdul Rahman dibawa ke pentas berdiri di hadapan 3 tiang bendera
F14 Bendera Union Jack diturunkan
F15 Diiringi lagu God Save the Queen
F16 Menandakan berakhirnya penjajahan British
F17 Disambut dengan tepukan dan laungan "Merdeka"
F18 Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan
F19 Diiringi lagu Negaraku
F20 Diperdengarkan buat kali pertama kepada umum 1
F21 Sorakan Merdeka sebanyak tujuh kali
F22 Tunku Abdul Rahman memberikan tabik hormat semasa bendera dinaikkan
F23 12.10 tengah malam, Tunku Abdul Rahman menerima tabik hormat
F24 Memeriksa perbarisan perwakilan negeri
F25 24 orang Pasukan Pemuda Perikatan Diketuai oleh Abdul Majid Othman tampil ke pentas
F26 Dulang berisi rantai emas /Pingat Emas berukir peta Semenanjung Tanah Melayu/ gambar Tunku / perkataan "Bapa Kemerdekaan Tanah Air" dibawa
F27 Gelaran "Bapa Kemerdekaan Tanah Air" diberikan kepada Tunku Abdul Rahman
F28. Rantai emas dikalungkan oleh Sardon Jubir ke leher Tunku Abdul Rahman diikuti dengan laungan "Bapa Kemerdekaan Tanah Air" sebanyak tiga kali
F29 12.25 tengah malam, Tunku Abdul Rahman menyampaikan ucapan
F30 12.55 tengah malam, bacaan doa selamat oleh Tuan Haji Massood Hayati
F31 Majlis diakhiri dengan Pertunjukan bunga api yang dihadiahkan oleh kerajaan Jepun

(c) Gambar menunjukkan logo sambutan Hari Kebangsaan pada tahun 2023.



Huraikan mesej yang terkandung dalam logo tersebut.

[8 markah]

- ~ Malaysia Madani ialah panduan dan ikhtiar secara bersepadu dan holistik
- ~ Tekad Perpaduan Penuhi Harapan
- ~ Lima jari melambangkan lima teras Rukun Negara
- ~ Bentuk bulatan yang berwarna biru bermaksud kebulatan, permuafakatan dan perpaduan dalam kalangan rakyat
- ~ Bulan sabit pula melambangkan Agama Islam ialah agama rasmi persekutuan
- ~ Bintang berbucu 14 melambangkan perpaduan dan kesepakatan semua negeri dalam Persekutuan Malaysia.
- ~ Warna biru bermaksud kesatuan di peringkat nasional, keterangkuman dan persaudaraan antara semua peringkat
- ~ Warna merah melambangkan sifat keberanian, jati diri dan keazaman yang tinggi rakyat Malaysia
- ~ Warna kuning melambangkan nilai-nilai tradisi, kebudayaan semua kaum dan kearifan tempatan.
- ~ Warna putih bermaksud keluhuran budi pekerti yang mulia, kesucian hati semua rakyat dan hasrat umum yang baik

LET SCORE A in SPM !

- Contoh soalan jawapan diberi adalah berdasarkan Ramalan SPM 2025
- Untuk pemahaman sepenuhnya, sila rujuk pada nota buku teks atau nota ringkas pada studytips apps.
- Kita pecahkan rekod SPM kali ini

Terms & Conditions

- The information provided is for education purposes only and should not be considered as leak of question papers.
- The organizer disclaims all liability for any loss, damage or personal suffered directly or indirectly from reliance on such information
- The tips provided are considered as **forecast questions** and there is no warranty of its accuracy
- However all effort has been made to provide the most possible tips towards SPM questions.

Remember:

This PROJECT IS FREE

THOSE WHO WANT TO SCORE, JOIN US

REMEMBER: We are just trying to help!

Semua Hak Cipta Terpelihara telah berdaftar dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Tiada sebarang bahagian dalam buku ini boleh diterbitkan semula atau dionlinekan. Mereka yang melanggar boleh didakwa.